

PEMIKIRAN BAHARU

# Utusan Malaysia

## Pasukan kompong Pamah Rawas meriahkan penjurian Kuarters IPD Raub

- Oleh MEDIA MULIA
- 10 Mac 2023, 7:45 am



AHLI pasukan kompong belia Pamah Rawas, Dong bersama sebahagian pegawai dan anggota PDRM di Kuarters IPD Raub, Pahang baru-baru ini. – UTUSAN /HARIS FADILAH AHMAD

SERAMAI 10 ahli pasukan kompong belia Kampung Pamah Rawas, Dong berkompong mengiringi Juri Penilaian Kuarters Terbaik Polis di Raja Malaysia (PDRM) peringkat Kebangsaan 2023 di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub, Pahang baru-baru ini.

Ketua pasukan kompong Pamah Rawas, Ahmad Khairal Zahari berkata, mereka berbangga kerana diberi kepercayaan menyertai kemeriahkan aktiviti penjurian berkenaan di samping dapat memperkenalkan warisan kesenian orang Melayu menerusi acara tersebut.

“Kami berterima kasih kepada IPD Raub sekali gus berbangga dengan pemilihan kuarters ini serta mendoakan beroleh kejayaan dalam finalist terbaik di negara ini dan pada masa yang sama menzahirkan konsep Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada,” katanya di Raub, Pahang baru-baru ini.-utusan